



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

Agensi Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor Bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan didaftarkan dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) / CIDB dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :-

CADANGAN MEMBAIKPULIH SISTEM PERPAIPAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI BAWAH PERUNTUKAN MENAIKTARAF FASILITI & INFRASTRUKTUR (RMKE-12) DI KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI MARA PETALING JAYA, SELANGOR

NO.SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN CIDB	TARIKH, MASA & TAKLIMAT/TEMPAT LAWATAN TAPAK	TEMPOH PENJUALAN DOKUMEN	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP
340/2024/0004	GED G2 KATEGORI CE20 NEGERI SELANGOR	18/04/2024 10.30 PAGI BILIK MESYUARAT PESONA KKTm PJ	09/04/2024 HINGGA 18/04/2024	RM5.00	25/04/2024 (Sebelum 12.00 Tengah Hari)

2. Kontraktor hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan mengambil dokumen :-
 - i) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB
 - ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB
 - iii) Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)

Satu salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan MARA semasa sesi taklimat dan membeli dokumen. Pembekal hendaklah membawa cop syarikat semasa menghadiri taklimat Sebut Harga. MARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.

3. Bayaran dokumen sebut harga boleh secara melalui <https://bayar.maraeps.my> dengan nilai seperti yang tercatat di atas dan Wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebutharga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebutharga sahaja.
4. Dokumen sebutharga boleh didapati pada waktu pejabat (8.30 pagi - 1.00 petang), / (2.00 petang - 4.30 petang) Hari Isnin - hari Khamis, (8.30 pagi - 12.15 tengahari), / (2.45 petang - 4.30 petang) Hari Jumaat di alamat seperti di bawah. Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tempoh ini.
5. Kontraktor yang berminat DIWAJIBKAN menghadiri taklimat sebut harga dan lawatan tapak seperti catatan di atas. Wakil syarikat TIDAK DITERIMA. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh MARA semasa menghadiri taklimat sebut harga.
6. MARA tidak tertakluk untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. MARA berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
7. Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan No. Sebut Harga dan Tajuk Kerja di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga seperti alamat di bawah:-

PENGARAH
KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI MARA PETALING JAYA
12 JALAN TEMPLER
46000 PETALING JAYA
SELANGOR

Pada atau sebelum tarikh tutup sebut harga jam 12.00 tengahari Kolej Kemahiran Tinggi MARA
Petalang Jaya
Selangor Darul Ehsan


DR. SUZILASAHIBATUL AKHMAR BT. AHMAD
Timbalan Pengarah (Ket Ehsan Akademik)
Kolej Kemahiran Tinggi MARA
Petalang Jaya
Selangor Darul Ehsan

8. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan diterima.